

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha dan tindakan strategik Kementerian dalam mengesan van atau bas sekolah yang beroperasi tanpa permit serta mengubah suai kenderaan tersebut bagi mengelirukan pihak berkuasa. Nyatakan statistik pemilik dan kenderaan yang telah diambil tindakan bagi tahun 2020 hingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan terhadap perkhidmatan van / bas sekolah secara berterusan yang menjadi salah satu aktiviti dalam Pelan Tindakan Penguatkuasaan JPJ setiap tahun. Penguatkuasaan ini dijalankan berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Penguatkuasaan ini dilaksanakan berdasarkan secara berkala atau hasil siasatan melalui aduan-aduan awam. Mulai tahun 2016 sehingga kini, JPJ telah mengambil tindakan terhadap 756 pengusaha-pengusaha van / bas sekolah yang tidak dilesenkan.